

PERKEMBANGAN LITERASI MELALUI TEKNIK DAN PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID DI TADIKA KHALIFAH DIDIK, AMPANG.

Noor Hidayah Ismail & Fadzilah Abd. Rahman

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Abstrak

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji perkembangan literasi awal murid melalui teknik dan pendekatan yang digunakan oleh guru sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku. Seterusnya, kajian ini turut mengkaji teknik yang sesuai untuk mendorong murid dalam proses pemerolehan bahasa. Kajian cuba mengenal pasti cara murid belajar mengembangkan tahap literasi mereka melalui pendekatan dan teknik yang digunakan oleh guru sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku. Seramai 30 orang murid terlibat. Mereka dibahagikan kepada 3 buah kumpulan. Setiap kumpulan akan dibimbing oleh seorang guru. Ketiga-tiga kumpulan ini akan menjalankan aktiviti yang serupa tetapi menggunakan pendekatan yang berbeza oleh guru masing-masing. Kajian ini dilakukan secara kajian kualitatif menggunakan Teori Pembelajaran Bloom dan Teori Behaviorisme. Instrumen kajian dilakukan dengan cara perbincangan dan analisis data, membandingkan dapatan kajian yang diperolehi dengan sorotan kajian lepas yang hampir menyamai kajian ini. Penyelidik merujuk standard kandungan dan standard pembelajaran yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah kebangsaan dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai panduan untuk mengukur tahap prestasi murid. Pendapat tokoh penyelidik bahasa kanak-kanak diambil sebagai bahan untuk mengukuhkan kebolehpercayaan dan menyokong dapatan kajian yang diperolehi.

Kata Kunci : literasi awal murid, pemerolehan bahasa, penilaian kualitatif, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.

Pendahuluan

Pendidikan prasekolah telah diinstitusikan ke dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan matlamat untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan untuk masuk ke sekolah rendah. Peruntukan ini menunjukkan penumpuan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan prasekolah. Selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, bersepadu dan seimbang. Fenomena ini, ada sebahagian murid tidak menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira) sekalipun sudah belajar dalam tahun enam kerana ketinggalan dalam pembelajaran, antara lain dikatakan berpunca pencapaian dan penguasaan kemahiran berbeza sejak memasuki tahun satu lagi. Sehubungan itu, pelaksanaan prasekolah untuk semua kanak-kanak sebelum memasuki alam persekolahan sebenar disifatkan mampu membantu perkembangan pendidikan seterusnya, di samping memudahkan proses pengajaran guru di bilik darjah. Pengajaran dan pembelajaran peringkat pendidikan awal kanak-kanak adalah lebih berkesan jika dilakukan melalui aktiviti bermain kerana bermain adalah sebahagian dari dunia kanak-kanak. Menurut Moyles (2005) bermain adalah pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang terbaik dan menjadi keutamaan dalam pendidikan awal kanak-kanak Menurut Ornstein dan Hunkins (2004), pembelajaran tidak boleh dipisahkan dengan kehidupan seharian kanak-kanak, malah pembelajaran mestilah berdasarkan keperluan dan minat kanak-kanak. Bagi mencapai matlamat Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Pengajaran dan pembelajaran perlu dilakukan mengikut minat murid serta belajar sambil bermain. Melalui kaedah pembelajaran tersebut, didapati pelajar belajar bersosial dan menjumpai perbagai literasi bahasa yang membantu perkembangan pendidikan mereka. Dalam pernyataan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan menyatakan tujuan untuk memperkembang potensi kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepadu membawa maksud guru harus memberi tumpuan sepenuh kepada setiap murid untuk memastikan tiada murid yang akan tercicir dalam usaha untuk menimba ilmu yang diajar oleh guru manakala pernyataan yang menyatakan persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna pula membawa maksud

pendekatan atau kaedah yang perlu digunakan oleh guru untuk menjadikan persekitaran pembelajaran menarik dan bermakna kepada pelajar.

Penyataan Masalah

Sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran sedang berlaku, didapati ada masalah yang timbul iaitu murid-murid tidak dapat bekerjasama dalam kumpulan. Terdapat ahli kumpulan yang menjadi penumpang dalam permainan ini. Didapati ada murid yang tidak melibatkan diri secara aktif kerana tidak dapat berkomunikasi dengan baik sesama ahli dalam kumpulan. Bagi murid yang mempunyai tahap literasi yang tinggi dan berkebolehan bertutur dengan lancar dan jelas, mereka dengan mudah menguasai keseluruhan permainan, manakala yang berada di tahap lemah tidak mampu mengutip mata yang tinggi dalam kumpulan. Akibatnya keseluruhan permainan dimonopoli oleh pelajar yang berkebolehan sahaja manakala penguasaan bahasa murid yang lemah masih ditahap yang sama.

Metodologi

Peserta Kajian

Peserta kajian terdiri dari 30 orang murid di Tadika Khalifah Didik (TKD) iaitu 15 perempuan dan 15 lelaki. Mereka akan dibahagi kepada 3 buah kumpulan. Setiap kumpulan terdiri dari 10 orang murid dan dibimbing oleh seorang guru. Setiap kumpulan akan mewakili 1 teknik dan pendekatan yang akan digunakan sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Teori Kajian

Kajian ini menggunakan teori pembelajaran Bloom dan teori behaviorisme. Bagi mewujudkan suasana tugas pembelajaran itu bermakna dan menarik, guru perlulah bijak merancang pengajarannya dan tahu memilih pendekatan yang sesuai sewaktu pengajaran dan pembelajaran berlansung. Kualiti pengajaran guru pula akan menentukan kecekapan yang ada pada pelajar untuk menyempurnakan suatu tugas pembelajaran. Kualiti pengajaran guru merangkumi sejauh mana guru mengoptimalkan persembahan pengajaran, penjelasan dan penyusunan unsur-unsur yang berkaitan dengan suatu tugas pembelajaran. Mengikut Teori Behaviorisme, bahasa dikuasai melalui proses pengulangan, iaitu mengulang sebanyak mungkin sesuatu kemahiran bahasa sehingga menjadi suatu kebiasaan atau rutin. Kecekapan akan dikuasai jika kita sering berlatih. Oleh itu bahasa dikaji dari sudut rangsangan dan gerak balas.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Untuk tujuan tersebut, tiga teknik utama digunakan, iaitu pemerhatian kelas untuk memungut data melalui aktiviti yang dilakukan, temu bual dan rakaman (Spradley 1980; Bogdan and Biklen 1982; Merriam. 1988). Penggunaan pelbagai teknik pengutipan data tersebut dapat memberi triangulasi atau pengukuhan antara teknik-teknik yang digunakan (Van Maanen 1983; Norrizan 1992; Razali 1994) sepanjang tempoh pelaksanaan kajian. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Van Maanen (1983: 136) tiga teknik tersebut dapat digunakan *sebagai "...a vehicle for cross validation ..."* iaitu pemerhatian dibuat berdasarkan peringkat.

Peringkat pertama iaitu kajian lapangan memerhati melalui aktiviti yang telah disenaraikan dan merakam perlakuan murid dalam aktiviti yang dilakukan. Aktiviti ini merujuk kepada aktiviti yang telah dicadangkan dalam Kurikulum Standar Prasekolah Kebangsaan. Hasil dari pemerhatian, penyelidik akan mencatat penguasaan dan kebolehan mereka dalam jadual awal pemerhatian.

Kedua, penyelidik akan mengumpul data hasil dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan aktiviti tersebut, kemudian penyelidik akan mengelaskan murid mengikut tahap pencapaian, keupayaan atau kemampuan murid menguasai standard pembelajaran seperti yang terkandung dalam Kurikulum Standar Prasekolah Kebangsaan. Pengelasan murid ini dibuat dalam bentuk graf dengan meletak mereka pada 3 tahap iaitu tahap maju, sederhana dan mundur.

Ketiga, penilaian dan perbincangan akan merujuk kepada graf tersebut untuk memudahkan penyelidik membuat analisis berdasarkan teori dan pandangan dari tokoh-tokoh

pengkaji bahasa. Dalam pemerhatian yang dijalankan ini, pengkaji telah mengambil kira aspek yang ingin dicapai dalam standard kandungan, tunjang Bahasa Melayu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.

Penyelidik bertindak sebagai instrument utama semasa penjanaan dan penganalisan data untuk kajian ini. Dalam proses temu bual yang dijalankan, penyelidik menggunakan perakam suara dan mencatat segala perkataan yang dikeluarkan oleh informan. Selain itu penyelidik juga menggunakan perakam video untuk merakam aksi informan sebagai salah satu bukti bahan tingkah laku murid dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Hal ini bertujuan supaya penyelidik dapat menyemak semula perkara yang didengar dan dilihat dalam pita rakaman selain meningkatkan kesahan dapatan kajian dan temu bual (Noraini, 2010). Selain itu, tujuan rakaman adalah untuk memastikan bahawa tiada kecaciran maklumat. Melalui temubual yang dihasilkan dengan informan penyelidik akan menyediakan satu transkrip hasil daripada temubual tersebut. Kemahiran komunikasi, pengalaman kerja, kajian rintis dan bacaan yang meluas amat diperlukan bagi penyelidik untuk bertindak sebagai instrumen. Penyelidik perlu berkebolehan mengemukakan soalan demi memastikan jawapan yang diberikan oleh instrumen tidak terpesong dari landasan kajian, walau bagaimanapun ada beberapa soalan yang tidak berkaitan dengan kajian akan ditanya terhadap responden kerana memahami hakikat sebenar tahap umur responden adalah kanak-kanak yang berusia awal 5 tahun dan berada di sebuah institusi yang baru memperkenalkan responden pada dunia pendidikan, penyelidik seharusnya bertanya soalan yang mudah, ringkas untuk mengambil hati responden agar member tindak balas terhadap soalan yang akan ditanya selain memastikan responden tidak kaku dan terdiam semasa sesi temu bual dijalankan.

Perbincangan

Perkembangan bahasa murid amat berkait rapat dengan pengalaman yang paling hampir dengan diri mereka. Pemerolehan bahasa juga dibantu oleh peristiwa yang berulang-ulang dan diterangkan oleh ibu bapa. Ibu bapa berperanan memberi pendedahan awal dalam perkembangan bahasa kanak-kanak di rumah. Ibu bapa dan guru ialah orang pertama yang perlu memperkenalkan nama-nama benda di muka bumi serta makhluk-makhluk ciptaan Allah yang lain. Rumah adalah sekolah pertama untuk anak-anak dan ibu bapa adalah guru pertama kepada mereka. Sebelum anak dihantar ke institusi pendidikan formal bermula di tadika, sekolah dan peringkat yang lebih tinggi, anak mempelajari asas pembentukan hidup dan sahsiah daripada ibu bapa. Setiap yang dipelajari oleh anak-anak akan disimpan dalam otak mereka. Semakin banyak mereka belajar, semakin banyak maklumat yang mereka simpan dapat membantu mereka mempelajari sesuatu yang lebih sukar pada masa akan datang. Merujuk kepada kajian lepas, penjelasan yang dipetik dari Hassan Langgulung (al-asma') dalam petikan buku 'mendidik anak menjadi pintar' mengatakan bahawa Asma Ul-Husna merujuk kepada benda-benda yang bernama (musammayat) atau pun alam sejagat. Mengimbu sejarah perkembangan ilmu, disebabkan malaikat tidak sanggup menyebut nama-nama benda ciptaan Allah dan Adam boleh menyebut, ringkasnya di situlah terletak kemuliaan seorang manusia apabila Adam mampu menyebut semua nama-nama benda di muka bumi ini dan manusia pun diangkat menjadi khalifah yang paling agung. Ini menunjukkan status khalifah itu berkait rapat dengan kelebihan ilmu yang dimiliki oleh manusia. Jesteru itu, tugas terawal pendidikan adalah memperkenalkan nama-nama yang paling dekat dengan kehidupan mereka sebagai persiapan bagi menjadi khalifah di muka bumi ini. Manakala kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan bersepadu, untuk tahap prasekolah pendekatan ini menggabungkan kesepaduan kemahiran dan nilai-nilai murni. Amat ditekankan kepada murid mengenai ucapan-ucapan yang berbentuk pujian dan galakan. Seperti ucapan 'terima kasih', 'salam sejahtera', 'boleh saya bantu' dan sebagainya. Tujuannya adalah untuk mengembangkan kemahiran berbahasa dan komunikasi serta mengamalkan nilai-nilai murni seperti bekerjasama, tolak ansur, rajin dan sebagainya.

Teknik yang digunakan oleh guru dalam aktiviti bercerita melalui pendekatan projek ialah teknik bebas, guru memberi beberapa jenis peralatan yang terdiri dari sudu besi, senduk kayu, botol plastik dan sebagainya. Murid dikehendaki bercerita mengenai apa yang mereka tahu tentang objek tersebut. Mereka diberi kebebasan untuk melakukan apa-apa sahaja dengan objek tersebut. Hal ini kerana suasana yang menyeronokkan dan menyenangkan mempengaruhi

perkembangan kanak-kanak. Mereka tidak suka dipaksa dan ditakut-takutkan. Setiap aktiviti perlulah dilakukan dengan rasa seronok. Semakin bebas mereka melakukan aktiviti yang dibimbing oleh guru, semakin banyak yang mahu diketahui oleh murid-murid. Harus diketahui setiap pertanyaan mereka harus diberi jawapan yang jujur kerana objek adalah sebahagian daripada kehidupan mereka, apa sahaja yang mereka lihat dan mereka buat itulah yang mereka pelajari. Semakin banyak mereka diberi ransangan semakin banyak perkara yang dipelajari oleh mereka.

Kemahiran membaca adalah kemahiran yang penting dalam pendidikan terutamanya pada peringkat awal alam persekolahan kerana kemahiran membaca mempunyai hubungan dengan penguasaan bahasa. Penguasaan bahasa murid-murid adalah asas perkembangan kognitif yang melibatkan kegiatan memperoleh pengetahuan melalui pengalaman membaca. Kelemahan penguasaan bahasa lama-kelamaan akan membawa kesan yang berlanjutan terutamanya dari segi pemerolehan pengetahuan. Jadi, kelemahan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar terutamanya yang lemah membaca tidak boleh dipandang ringan. Ini kerana maklumat yang diperoleh dalam pembacaan boleh digunakan untuk pelbagai aspek dalam kehidupan dan pelajar yang menghadapi masalah membaca sukar untuk mencapai keputusan yang baik dalam mata pelajaran (Tamam et al. 2010). Kemahiran membaca yang lemah menyebabkan kanak-kanak tidak dapat mengikuti pembelajaran formal. Malah, kegagalan membaca akan membawa kepada risiko kegagalan semasa di sekolah (Mercer 2005). Kajian mengatakan murid-murid memperoleh kemahiran kesediaan membaca yang menyeluruh mendapat keputusan yang baik pada tahap tinggi dan mampu memberi respons yang memberangsangkan (Rita Kurnia & Rohaty 2009). Murid-murid yang mahir membaca lebih terdedah dengan pembacaan buku yang ditentukannya oleh mereka sendiri. Menurut Saayah et al. (2010), interaksi buku dan rakan sebaya dapat memberi peluang kepada murid-murid meneroka dunia buku mengikut citarasa mereka iaitu mereka dapat mencuba membaca dan mengenali konsep membaca bersama rakan-rakan sebaya.

Kesimpulan

Pengajaran berkait rapat dengan tanggungjawab guru sebagai penyampai ilmu dan keberkesanan pengajaran banyak bergantung kepada sejauh mana guru berjaya mencapai objektif pengajarannya dalam membantu kanak-kanak belajar apa yang diajarkan (Zamri, Juliawati & Nik Mohd Rahimi 2009). Bagi memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai dan masa yang diperuntukkan digunakan dengan sebaiknya, guru perlu bijak merancang, mengurus dan mengelola pengajaran. Transformasi kurikulum pendidikan prasekolah menyeru guru memfokus proses pengajaran dan pembelajaran yang mengembirakan dan bermakna kepada kanak-kanak. Belajar melalui bermain terbukti sebagai amalan yang sesuai dalam pendidikan awal kanak-kanak. Justeru, adalah lebih berfaedah jika masa mengajar bahasa yang disarankan selama empat jam seminggu dalam KSPK dimanfaatkan dengan sebaiknya dengan melakukan aktiviti pendekatan pengajaran dan pembelajaran melalui bermain. Oleh itu, pengetahuan berkenaan pendekatan berkesan berdasarkan fitrah kanak-kanak perlu diketahui guru bagi menjawab soalan paling penting, iaitu apakah yang terbaik untuk kanak-kanak supaya segala hasil pembelajaran dapat dicapai dengan cemerlang. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu meningkatkan pencapaian murid-murid dalam Bahasa Melayu Penulisan di sekolah rendah. Seterusnya skop kajian boleh diperluas dan dimantapkan dengan melaksanakan kajian lanjut seperti yang dicadangkan. Hal ini amat penting dan bermakna dalam membantu pelbagai pihak untuk mendapatkan hasil pencapaian yang terbaik. Sesungguhnya sesuatu kejayaan itu tidak akan dicapai dengan mudah tanpa usaha yang bersungguh-sungguh seperti kata pepatah “*Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*”.

Bibliografi

- Abdul Rashid Jamian (2011). *Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid Sekolah Rendah di luar bandar*. Diperoleh April 12, 2013 dari Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu http://www.ukm.my/jpbm/pdf/1-12_Rasid_UPM.pdf
- Azizah Lebai Nordin. (2007). *Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Teori dan Amali* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamus dewan bahasa dan pustaka (4th ed). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). *Modul Murid 1 Asas Literasi*. Kuala Lumpur: KPM.
- Omaridin Ashaari. (1999). *Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif*. Ampang Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosinah Edinin (2011). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur : Freemind Horizons.
- Rohani Abdullah, Nani Menon dan Mohd. Sharani Ahmad. (2007). *Panduan Kurikulum Prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Sabariah Abu Bakar (2002), *Jurnal Kajian Tindakan Tahun 2002*, Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Selan Osni (2002). *Asas Bacaan Fahaman dan Tulisan*. Pahang: Fargoes.
- Seman Salleh, Jabatan Bahasa Melayu, *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Kajian Kes Di Sebuah Sekolah Rendah Di Daerah Jerantut, Pahang*.
- Siti Hajar Abdul Aziz (2008). *Bahasa Melayu 1*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Abdul Rasid Jamian & Yahya Othman. (2006). *Ekspektasi Guru dan Pelajar Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abd. Aziz Abd. Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik* Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Ahmad, (1989). *Pedagogi I*, Siri Pendidikan Longman, Selangor, Longman Malaysia Snd. Bhd.
- Atan Long (1986). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng, (1989) *Pendidikan di Malaysia Untuk Guru Pelatih*, Edisi Kedua, Petaling Jaya, Siri Pendidikan Fajar Bakti.